BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 02/17/03

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Khamis, 16 Februari 2017

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2016

TINJAUAN KESELURUHAN

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada suku keempat 2016. Namun, ekonomi maju mengalami trend pertumbuhan yang tidak sekata, disebabkan sebahagiannya oleh kekukuhan penggunaan swasta yang berbeza dalam keadaan kitaran dan struktur yang lemah. Di Asia, aktiviti ekonomi disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri. Perkembangan yang penting ialah sektor luaran dalam beberapa ekonomi mula menyumbang kepada pertumbuhan setelah mengalami pertumbuhan negatif suku tahunan berturut-turut. Turun naik pasaran kewangan makin nyata akibat kebimbangan terhadap isu-isu utama dalam ekonomi maju, seperti isu ketidakpastian dasar dan politik selepas keputusan pilihan raya presiden di Amerika Syarikat (AS) dan juga referendum di UK untuk keluar daripada Kesatuan Eropah (EU). Secara keseluruhan, keadaan monetari global kekal sangat akomodatif meskipun terdapat kebimbangan yang berterusan terhadap pertumbuhan, dan inflasi yang sungguhpun meningkat namun masih rendah.

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku keempat 2016

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku keempat 2016 (S3 2016: 4.3%), disokong oleh peningkatan berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras

secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 1.4% (S3 2016: 1.4%).

Ekonomi Berkembang 4.5% pada Suku Keempat
(pada harga malar tahun 2010)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih sederhana, memandangkan peningkatan aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta telah lebih daripada diimbangi oleh kemerosotan dalam perbelanjaan awam. Pada suku keempat, penggunaan swasta meningkat 6.2% (S3 2016: 6.4%), disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan. Pelaburan swasta mencatat peningkatan 4.9% (S3 2016: 4.7%), berikutan perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Walaupun pertumbuhan pelaburan awam bertambah baik terutamanya hasil daripada perbelanjaan lebih tinggi untuk aset tetap oleh syarikat-syarikat awam, namun secara keseluruhan ia terus menguncup pada suku keempat. Penggunaan awam juga merosot sebanyak 4.2% (S3 2016: +2.2%) berikutan rasionalisasi perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan, dan pertumbuhan sederhana untuk perbelanjaan emolumen. Bagi sektor luaran, eksport bersih menyumbang secara positif kepada pertumbuhan apabila eksport benar berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan import benar.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam sektor perkilangan, perlombongan dan pertanian bertambah baik. Sektor perkilangan berkembang dengan lebih cepat disebabkan oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam industri-industri berorientasikan dalam negeri dan eksport. Sektor perlombongan mencatat pertumbuhan yang lebih baik hasil daripada pengeluaran gas asli yang lebih tinggi pada suku itu. Aktiviti ekonomi dalam sektor pertanian menguncup pada kadar yang lebih perlahan, mencerminkan kesan El Nino yang semakin berkurang terhadap kadar hasil minyak sawit mentah. Sektor perkhidmatan terus berkembang, namun pada kadar yang lebih sederhana, disokong terutamanya oleh perkhidmatan berkaitan penggunaan. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan terus didorong oleh subsektor kejuruteraan awam.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 1.7% pada suku keempat 2016 (S3 2016: 1.3%), didorong terutamanya oleh pelarasan menaik terhadap harga bahan api dalam negeri pada suku itu. Inflasi dalam kategori *pengangkutan* mencatat kadar inflasi negatif yang lebih kecil pada 2.6% pada suku itu (S3 2016: -7.4%). Kesan inflasi, bagaimanapun, telah dikurangkan oleh inflasi lebih rendah dalam kategori *minuman beralkohol dan tembakau* (6.6%; S3 2016: 19.7%) disebabkan luputnya kesan kenaikan harga rokok dalam tempoh asas S4 2015. Bagi tahun 2016 secara keseluruhan, purata inflasi ialah 2.1% (2015: 2.1%).

Pada S4 2016, lebihan akaun semasa meningkat disebabkan terutamanya oleh lebihan perdagangan yang lebih tinggi dan defisit lebih kecil dalam akaun pendapatan.

Pada 31 Januari 2017, kedudukan rizab berjumlah USD95.0 bilion (bersamaan dengan RM426.0 bilion). Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk membantu transaksi antarabangsa. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh, yang jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.1 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

Keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi, dengan pembiayaan kepada sektor swasta terus meningkat

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.00% pada suku keempat 2016. Paras semasa OPR ini menggambarkan keadaan monetari yang terus menyokong aktiviti ekonomi. Sebagai mencerminkan kadar OPR yang tidak berubah, kadar antara bank dan KLIBOR 3 bulan secara relatif stabil pada suku itu. Sejajar dengan itu, kadar pinjaman runcit juga stabil. Kadar asas (BR) purata berwajaran bank perdagangan tidak berubah pada 3.61% manakala kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul menurun sebanyak lima mata asas antara akhir bulan September hingga akhir bulan Disember.

Wang secara luas atau M3, meningkat sebanyak RM25.0 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 3% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September: 2.2%). Peningkatan M3 pada suku ini didorong terutamanya oleh pengembangan berterusan dalam pemberian kredit oleh sistem perbankan kepada sektor swasta.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan pasaran modal berjumlah RM316.2 bilion (S3 2016: RM293.8 bilion). Pada asas bersih, pertumbuhan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan IKP, dan terbitan bon korporat terkumpul menjadi sederhana kepada 5.5% pada S4 2016 (S3 2016: 6.5%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih rendah dalam bon korporat terkumpul. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan IKP meningkat 4.8% pada suku keempat (S3 2016: 2.0%). Pertumbuhan pinjaman

isi rumah terkumpul daripada sistem perbankan dan IKP menjadi sederhana kepada 5.5% pada S4 2016 (S3 2016: 5.8%). Ini mencerminkan terutamanya peningkatan sederhana dalam pinjaman terkumpul untuk *pembelian kereta penumpang* dan *harta kediaman.* Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal menjadi sederhana kepada RM2.1 bilion pada suku keempat 2016 (S3 2016: RM13.5 bilion). Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh pemerolehan dana bersih yang lebih rendah oleh sektor swasta.

Ringgit dan semua mata wang utama dan serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Penyusutan nilai didorong terutamanya oleh aliran keluar pelaburan portfolio daripada ekonomi sedang pesat membangun dalam keadaan ketidakpastian yang berbangkit daripada keputusan Pilihan Raya Presiden AS. Jangkaan bahawa kadar faedah akan meningkat, kenaikan sebenar dalam kadar dasar Federal Reserve (Fed) AS pada bulan Disember 2016, serta jangkaan bahawa kadar faedah AS akan kembali ke paras wajar dalam tempoh yang lebih cepat pada tahun 2017 memburukkan lagi aliran keluar portfolio dan terus menambah tekanan terhadap kebanyakan mata wang utama dan serantau. Ringgit juga menghadapi pelarasan tambahan pada suku itu berikutan kegiatan spekulasi dalam pasaran kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forward contract, NDF). Namun, ringgit, bersama-sama mata wang serantau, mulai stabil menjelang akhir suku keempat apabila pasaran kewangan global semakin stabil. Pelaksanaan langkah-langkah untuk membangunkan, memperdalam dan menangani ketidakseimbangan yang semakin nyata dalam pasaran pertukaran asing domestik, dan harga minyak mentah dunia yang lebih kukuh juga menjadikan pasaran pertukaran asing domestik lebih stabil menjelang akhir suku tersebut.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 7.6% berbanding dengan dolar AS pada suku keempat. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-1.6%), paun sterling (-2.4%) dan dolar Australia (-2.5%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (6.3%). Ringgit juga menyusut

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

nilai berbanding dengan semua mata wang serantau, kecuali won Korea, antara 2.1% hingga 5.6%.

Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan

Sistem kewangan Malaysia kekal berdaya tahan meskipun terdapat ketidakpastian global terhadap pelarasan dasar dalam ekonomi-ekonomi utama. Permodalan sistem perbankan kekal kukuh, dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Dengan pelarasan berterusan oleh perniagaan dan isi rumah terhadap prospek ekonomi yang mencabar dan kos sara hidup yang semakin meningkat, penampan kewangan ini akan menyokong daya tahan institusi kewangan. Melangkah ke hadapan, perkembangan luaran akan terus menambah tekanan terhadap turun naik pasaran kewangan domestik. Ini termasuk meningkatnya ketidakpastian terhadap perkembangan politik dan pertumbuhan dalam ekonomi utama selain harga komoditi yang tidak menentu. Namun, kestabilan sistem kewangan domestik dijangka terus terpelihara memandangkan institusi kewangan mempunyai kapasiti menyerap kerugian dengan sokongan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh.

Kedudukan modal institusi kewangan kekal kukuh. Penampan modal bank, syarikat insurans dan pengendali takaful yang digabungkan berjumlah RM172.5 bilion. Bank mengekalkan paras dan kualiti permodalan yang tinggi. Ini ditunjukkan dalam nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan jumlah modal institusi perbankan yang tinggi, masing-masing pada 13.1%, 14.0% dan 16.5% (S3 2016: masing-masing 13.3%, 14.2% dan 16.7%). Nisbah kecukupan modal sektor insurans dan takaful juga kekal tinggi pada 243.8% (S3 2016: 226.3%).

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Pada masa hadapan, ekonomi global dijangka bertambah baik namun terus berada pada landasan pertumbuhan yang sederhana. Walaupun terdapat

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

tanda-tanda pertumbuhan yang mampan dalam ekonomi utama pada tahun 2017, risiko kepada pertumbuhan global terus meningkat. Ini berikutan harga komoditi yang tidak menentu, ketidakpastian dasar dan prospek pertumbuhan ekonomi maju utama, kegiatan mengelak risiko yang semakin nyata dalam pasaran kewangan global dan juga perkembangan geopolitik.

Meskipun persekitaran luaran akan terus mencabar, ekonomi Malaysia akan mencatat pertumbuhan yang mampan dengan pemacu utamanya ialah permintaan dalam negeri. Penggunaan swasta dijangka terus disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga, dengan dorongan tambahan daripada pengumuman langkah-langkah Kerajaan untuk menyokong pendapatan boleh guna isi rumah. Aktiviti pelaburan akan terus ditegarkan pada pelaksanaan projek-projek infrastruktur secara berterusan serta perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Bank Negara Malaysia
16 Februari 2017

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri						
Agregat (tidak termasuk stok)	91.8	4.0	5.1	4.6	3.3	4.4
Sektor Swasta	70.2	4.9	6.1	6.0	6.0	5.7
Penggunaan	*53.3*	*4.9*	*6.0*	*6.4*	*6.2*	*6.1*
Pelaburan	*16.9*	*4.9*	*6.4*	*4.7*	*4.9*	*4.4*
Sektor Awam	21.6	2.1	2.1	-0.2	-2.6	0.4
Penggunaan	*13.1*	*3.3*	*4.4*	*2.2*	*-4.2*	*1.0*
Pelaburan	*8.5*	*0.4*	*-1.0*	*-3.8*	*-0.3*	*-0.5*
Eksport Bersih	8.1	4.3	-3.8	5.9	5.8	-1.8
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*70.0*	*4.0*	*0.6*	*-1.3*	*1.3*	*0.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*61.9*	*4.0*	*1.2*	*-2.3*	*0.7*	*0.4*
KDNK[1]	**100.0[1]**	**4.5**	**5.0**	**4.3**	**4.5**	**4.2**
KDNK (Pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.2**	**-**	**1.4**	**1.4**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2016 (%)	2015		2016		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	54.2	5.0	5.1	6.1	5.5	5.6
Perkilangan	23.0	5.0	4.9	4.2	4.8	4.4
Perlombongan	8.8	-1.3	4.7	3.0	4.9	2.7
Pertanian	8.1	1.5	1.2	-6.1	-2.4	-5.1
Pembinaan	4.5	7.4	8.2	7.9	5.1	7.4
KDNK Benar	**100.0[1]**	**4.5**	**5.0**	**4.3**	**4.5**	**4.2**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.2**	**-**	**1.4**	**1.4**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia